

| | | | |
|-------------|---|--------------|---------------------------|
| Headline | Pil cegah hamil kaedah terbaik cegah kehamilan: Doktor | Language | Malay |
| Date | 26 Aug 2010 | Page No | 1 |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | Article Size | 185 cm² |
| Section | Tempatan | Color | Black/white |
| Journalist | N/A | ADValue | 381 |
| Frequency | Daily | PRValue | 1,144 |
| Circ / Read | 29,826 / 97,836 | | |



Pil cegah hamil kaedah terbaik cegah kehamilan: Doktor

KUALA LUMPUR: Seorang doktor perubatan Universiti Malaya mengesahkan pil mengawal kelahiran sebagai bentuk pencegahan hamil yang terbaik.

Prof Jamiyah Hassan, pakar runding obstetrik dan pakar ginekologi di Pusat Perubatan Universiti Malaya meletakkan pil-pil ini di tempat teratas berbanding kaedah cegah kehamilan yang lain, dan amat mengesyorkannya kepada wanita muda.

“Wanita yang menyedari tentang pendidikan cegah kehamilan tahu kehamilan di luar perancangan membawa kepada kelahiran dan kehidupan yang tidak dirancang oleh kedua-dua ibu dan anak.

“Di samping selamat dan boleh dipercayai, manfaat pil-pil itu terhadap kesihatan juga tidak harus dilupakan,” katanya, sambil menambah, pil itu telah terbukti mengurangkan risiko ovari daripada 50 hingga 80 peratus, sista ovari sebanyak 50 peratus dan juga barah endometrial.

“Sekarang ini sudah tahun 2010 dan wanita berpendidikan tidak seharusnya takut untuk membincangkan kesihatan seksual, yang termasuk pendidikan mencegah kehamilan,” katanya kepada kakitangan dan pelajar di kampus Monash University

Sunway semasa sambutan Minggu Wanita institusi itu baru-baru ini.

Sejarah cegah kehamilan mungkin mempunyai permulaan yang agak melucukan tetapi dengan kemajuan dalam perubatan, kaedah cegah kehamilan, yang telah menyelamatkan berjuta-juta nyawa, haruslah dipandang serius, kata Jamiyah.

Selain daripada kebiasaan mengamalkan seks selamat dengan cara menggunakan kondom, wanita (dan lelaki) juga dapat mengelak daripada dijangkiti penyakit bawaan seksual (STD) yang semakin meningkat, terutamanya dalam kalangan wanita setiap tahun, tambahnya.

Virus Papilloma Manusia, lebih dikenali sebagai HPV adalah STD, yang menyebabkan barah serviks sementara STD biasa yang lain ialah HIV dan chlamydia.

Ratu Malaysia 2007, Deborah Henry, yang menyokong “kehamilan melalui pilihan, bukan secara kebetulan” berkongsi realiti kehamilan tanpa dirancang itu bersama kakitangan dan pelajar kampus berkenaan.

“Kita tahu akibat seks tidak dilindungi dan kita tahu pilihan cegah kehamilan, jadi tidak ada alasan bagi kita untuk tidak

mengambil tanggungjawab untuk melindungi diri kita sendiri,” katanya.

Sesi dialog beliau dengan senario seperti “bagaimana kehamilan boleh mengubah hidup anda” itu bukan sahaja mendorong wanita-wanita untuk bercakap secara terbuka tetapi juga kaum lelaki yang hadir.

“Kehamilan sepatutnya diraikan, jadi sungguh menyedihkan apabila seorang wanita terpaksa menyembunyikan kehamilannya daripada rakan-rakan dan keluarga,” tambahnya.

Wanita dari Persatuan Kebajikan Barah Payudara (BCWA) itu juga memberi ceramah dan mengendalikan bengkel di mana para peserta digalakkan memeriksa ketulan barah prostetik.

BCWA telah mengendalikannya latihan bagi banyak pertubuhan di Malaysia dan bertujuan meningkatkan kualiti hidup ahli-ahlinya dan anggota keluarga mereka.

“Kita amat menggalakkan wanita membuat pemeriksaan payudara sendiri dan segera bertemu doktor apabila merasa ragu kerana pengesanan awal boleh menyelamatkan nyawa,” kata sukarelawan BCWA, Sarah Chee.

Pegawai kerja sosial dari Women’s Aid Organisation,

| | | | |
|-------------|---|--------------|---------------------------|
| Headline | Pil cegah hamil kaedah terbaik cegah kehamilan: Doktor | Language | Malay |
| Date | 26 Aug 2010 | Page No | 1 |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | Article Size | 185 cm² |
| Section | Tempatan | Color | Black/white |
| Journalist | N/A | ADValue | 381 |
| Frequency | Daily | PRValue | 1,144 |
| Circ / Read | 29,826 / 97,836 | | |

Umadevi berkata, berjuta-juta wanita bertolak ansur dengan gangguan seksual setiap hari.

“Tidak kira umur, kaum, agama, profesyen, status sosial dan kebudayaan, wanita-wanita ini berhadapan dengan gangguan dalam pelbagai bentuk sama ada secara fizikal, lisan, visual atau psikologi.

“Hanya kerana kamu bertolak ansur, tidak bermakna kamu menerimanya,” kata beliau, sambil menekankan, di Malaysia wanita takut untuk membuat laporan polis disebabkan kurangnya pengetahuan tentang undang-undang atau takut tidak dipercayai, hilang pekerjaan atau lapa-

ran itu tidak diambil peduli.

“Jika kamu rasa kamu diganggu secara seksual, ambil langkah-langkah ini – sentiasa catat masa, tarikh, saksi dan kronologi peristiwa, sebagai bukti sebaik sahaja ia berlaku, beritahu seseorang yang boleh kamu percayai. Kemudian tulis surat kepada pengurusan dan simpan salinannya untuk diri kamu sendiri. Hanya apabila tidak ada tindakan diambil oleh pihak pengurusan, barulah kamu berjumpa polis,” nasihat beliau.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Shamini Darshni di 019 2748877 atau 03 55144956 atau Michelle Kiob di 016 2638134 dan 03 55144940.